

26 MAY 1999
Mohamed-Khalil
TOK MAT SERAH TUGAS KEPADA KHALIL

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Selepas lebih 16 tahun memimpin Kementerian Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat hari ini secara rasmi menyerahkan tugas kepada penggantinya Tan Sri Khalil Yaakob dan mengucapkan selamat tinggal dalam satu majlis ringkas tetapi penuh emosi.

Mohamed, yang sinonim dengan kementerian itu dan RTM, turut meninggalkan pelbagai kempen yang mencapai kejayaan antaranya kempen "Semarak", "Setia" dan "Mesra", selain memberi akronim "Kempen" kepada kementerian itu.

"Beliau (Khalil) gembira berada di sini dan saya gembira untuk pergi," kata Mohamed yang kelihatan gembira kepada pemberita sejurus selepas majlis penyerahan tugas itu di pejabat menteri itu.

Kebanyakan wartawan yang selalu membuat liputan mengenainya sejak beberapa tahun lepas menyangka Mohamed, atau panggilan mesranya Tok Mat, akan mengadakan sidang media selepas mesyuarat kabinet yang terakhirnya di Rumah Eksekutif tetapi mereka menyedari kemudian bahawa Khalil yang menghadiri mesyuarat Kabinet hari ini.

Pembantu Mohamed berkata inilah kali pertama "untuk tempoh sekian lama" bosnya bangun pada pukul 10 pagi pada hari Rabu. Mesyuarat Kabinet bermula pukul 9 pagi setiap Rabu.

Majlis penyerahan tugas itu yang berlangsung di Angkasapuri dihadiri pegawai kanan kementerian serta jabatan dan agensi di bawah kementerian.

Antara mereka ialah Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed dan Setiausaha Parlimen Datuk Mohd Shafie Apdal yang kini bertukar ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai Timbalan Menteri.

Pegawai kanan lain yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Datuk Zawawi Mahmuddin, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Abas Salleh dan Pemangku Pengurus Besar Bernama yang juga Ketua Pengarang, Syed Jamil Jaafar.

Mereka bersama-sama beratur panjang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Mohamed, malah mengiringinya ke kereta. Sebelum itu mereka bersama-sama menikmati makan tengah hari bersama bekas menteri itu.

Sambil menyifatkan Khalil sebagai "tokoh yang paling menarik perhatian pada masa itu", Mohamed memberitahu pemberita bahawa beliau yakin bekas Menteri Besar Pahang itu akan menjalankan tugas dengan baik sebagai Menteri Penerangan yang baru.

"Saya akan membantu beliau dengan memberi pandangan sebagai bekas Menteri Penerangan," kata Mohamed.

Khalil mengangkat sumpah sebagai Senator pada Isnin lepas bagi membolehkannya menganggotai Kabinet pusat.

Mohamed turut membidas mereka yang mempersoalkan keputusannya meletakkan jawatan.

"Saya tidak mahu bersedih dan saya tidak mahu orang membuatkan saya sedih. Ini keputusan saya sendiri (untuk letak jawatan)," katanya.

Beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi keyakinan kepadanya untuk terus menjadi setiausaha agung Barisan Nasional (BN), yang disifatkan oleh Mohamed sebagai satu "tugas besar".

Mohamed berkata sebagai setiausaha agung BN, keutamaannya adalah menguatkan jentera BN bagi menghadapi pilihan raya umum yang mesti diadakan sebelum Jun tahun depan.

Ditanya sama ada beliau mempunyai sebarang sesalan meninggalkan

kementerian itu, Mohamed berkata: "Saya ada sedikit perasaan sentimen. Saya kembali pada 1989 dan saya meninggalkannya sebagai seorang yang berpuas hati."

Mohamed, 61, kali pertama dilantik sebagai Menteri Penerangan pada 1978. Bagaimanapun, beliau digugurkan daripada Kabinet empat tahun kemudian.

Beliau dilantik semula ke jawatan itu pada 20 Mei 1987 sehingga menyerahkan surat perletakan jawatan pada 4 Mei lepas.

Ditanya sama ada perletakan jawatannya ada kaitan dengan spekulasi bahawa beliau akan bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri di Johor, Mohamed, yang juga anggota Parlimen Pulaui berkata: "Tidak, Apa jenis spekulasi itu. Saya tidak mahu menjawab pertanyaan itu."

Pada akhir sidang media yang tidak dijadualkan itu, seorang wartawan menghampiri Mohamed dan berkata bahawa para wartawan yang membuat liputannya menghargai beliau kerana bekerjasama dengan mereka sepanjang memegang jawatan itu.

Mohamed yang terharu dengan kenyataan itu menjawab: "Terima kasih. Saya selalu berbuat baik dengan saudara semua dan saya pasti saya akan berjumpa saudara lagi."

Mohamed berkata beliau akan berehat sementara sebelum menumpukan tugas sepenuh masa sebagai setiausaha agung BN, yang bertempat di tingkat lapan, Pusat Dagangan Dunia Putra.

"Saudara boleh berjumpa saya di sana," katanya kepada wartawan sebelum beliau diiringi keluar dari pejabatnya juga di tingkat lapan, oleh Khalil ke lif.

Mohamed memulakan karier politik semasa berusia 26 tahun apabila dilantik setiausaha politik kepada Menteri Pengangkutan ketika itu, Tun Sardon Jubir.

Selepas memenangi kerusi Parlimen Johor Baru Barat pada 1969, beliau dilantik ke pelbagai jawatan kerajaan sebelum dinamakan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan pada 1970.

Tiga tahun kemudian, beliau dinaikan pangkat kepada Timbalan Menteri Kewangan. Yang lainnya adalah sejarah.

-- BERNAMA

ES LAT